

BULETIN

JKR NEGERI KELANTAN



EDISI 3/2021



KANDUNGAN

- PROGRAM BACAAN YASIN BULANAN
- LAWATAN KERJA YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI) BERSAMA KETUA SETIAUSAHA NEGARA KE TAPAK PROJEK PEMBINAAN RKAT KEM TUMBI, JELI KELANTAN.
- LAWATAN KERJA YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI) BERSAMA KETUA SETIAUSAHA NEGARA KE TAPAK PROJEK PEMBINAAN RKAT KEM TUMBI, JELI KELANTAN.
- MAJLIS JASAMU DIKENANG
- PROGRAM KEPENTINGAN AWAL PERANCANGAN KEWANGAN SEMASA HAYAT MELALUI HIBAH TAKAFUL
- PROGRAM SANITASI JKR JAJAHAN BACHOK
- PROJEK *HEALTH CHECK* BAGI PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (SPKKP)
- LAWATAN TAPAK PROJEK JAMBATAN BAHARU RANTAU PANJANG - GOLOK
- TAKLIMAT BAGI KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH JALAN DI LALUAN D13 JALAN WAKAF BUNUT - KEDAI MENANTI, JAJAHAN PASIR PUTEH DENGAN KAEDAH "*COLD IN-PLACE RECYCLING*" (CIPR)
- TAKLIMAT PENGENALAN SPB DAN SPK
- PERTANDINGAN FUTSAL TERTUTUP JKR UNIT TENTERA KELANTAN 2021



BULETIN JKR NEGERI KELANTAN

PROGRAM BACAAN YASIN BULANAN



SUMBER: JKR JAJAHAN BACHOK

BACHOK, 4 Mac 2021 - Majlis Bacaan Yasin adalah program bulanan yang dilaksanakan oleh JKR Jajahan Bachok. Program ini adalah sebagai memenuhi keperluan ke arah pengisian sahsiah dan kerohanian bagi mendekati pegawai dan kakitangan kepada amalan-amalan yang menjurus kepada ibadat yang dituntut oleh agama Islam dalam kehidupan harian. Program ini secara langsung memberi kesedaran dan keinsafan kepada pegawai dan kakitangan agar sentiasa menjadikan ibadah suci sebagai panduan dan pedoman hidup serta menjadi umat yang memenuhi tuntutan agama dan berakhlak mulia.

Selain itu, ia bertujuan untuk merapatkan lagi ukhwaah dikalangan pegawai dan kakitangan serta bagi mendoakan Negara Malaysia diselamatkan daripada wabak Covid-19.

LAWATAN KERJA YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI) BERSAMA KETUA SETIAUSAHA NEGARA KE TAPAK PROJEK PEMBINAAN RKAT KEM TUMBI, JELI KELANTAN.

JELI, 07 Mac 2021 - Lawatan Kerja YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) bersama YBhg. Ketua Setiausaha Negara telah diadakan pada 7 Mac 2021 (Ahad) ke Tapak Projek Pembinaan RKAT Kem Tumbi, Jeli Kelantan.

Lawatan tersebut telah dirasmikan oleh YB Dato Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Turut hadir bersama iaitu YBhg Ketua Setiausaha MINDEF, YBrs Ketua Pengarah Kerja Raya, Pegawai Agama Jajahan Jeli dan kontraktor iaitu Cakna Enterprise Sdn Bhd.



SUMBER: JKR JAJAHAN JELI

BULETIN JKR NEGERI KELANTAN

LAWATAN TAPAK PROJEK JALAN LUAR BANDAR (JALB) BAGI CADANGAN PROJEK JALAN & JAMBATAN MELINTASI REL KERETAPI DARI KG. KELAR KE KG. CHICHA TINGGI, PASIR MAS, KELANTAN



SUMBER: JKR JAJAHAN PASIR MAS

PASIR MAS, 09 Mac 2021 - Lawatan Projek Membaikpulih Infrastruktur Kereta Api telah diadakan pada 9 Mac 2021 (Selasa) di Stesen Keretapi Pasir Mas yang dihadiri oleh Cawangan Kejuruteraan Infranstruktur Pengangkutan bagi mengenalpasti fasiliti yang boleh dinaiktaraf.



SUMBER: JKR JAJAHAN PASIR MAS

MAJLIS JASAMU DIKENANG

BACHOK, 11 Mac 2021 - Majlis Jasamu Dikenang yang telah diadakan di JKR Jajahan Bachok pada 11 Mac 2021 adalah sempena meraikan pertukaran Encik Muhammad Fauzan bin Sarip yang akan bertukar ke JKR Kuala Selangor dan Encik Munif bin Awang Hamat yang akan bertukar ke JKR Tanah Merah serta tahniah diucapkan keatas beliau diatas kenaikan pangkat.



SUMBER: JKR JAJAHAN BACHOK




SUMBER: JKR JAJAHAN BACHOK



SUMBER: UNIT TENTERA

PROGRAM KEPENTINGAN AWAL PERANCANGAN KEWANGAN SEMASA HAYAT MELALUI HIBAH TAKAFUL

PANJI, 21 Mac 2021 - Program ini diadakan untuk mendedahkan pentingnya perancangan awal kewangan dan pentingnya hibah takaful kepada penama. Taklimat ini telah disampaikan oleh Mohd Hilsan Yusuf selaku perunding takaful BSN.



SUMBER: JKR JAJAHAN BACHOK

PROGRAM SANITASI JKR JAJAHAN BACHOK

BACHOK, 21 Mac 2021 - JKR Jajahan Bachok telah melaksanakan kerja-kerja sanitasi bagi membasmi penularan Covid -19. SOP bagi pelaksanaan sanitasi Covid -19 dilaksanakan di jabatan oleh Team Selenggara Jalan dan dilaksanakan berdasarkan tatacara yang betul selaras dengan keperluan dan garis panduan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat.



SUMBER: JKR BAHAGIAN PASUKAN PROJEK PERSEKUTUAN

PROJEK HEALTH CHECK BAGI PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (SPKPP)

TANAH MERAH, 23 Mac 2021- Projek **Health Check** telah dilaksanakan bagi Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SPKPP) diatas susulan daripada kejadian kebakaran melibatkan sebahagian blok baru-baru ini.

Kontraktor: **After Image Sdn Bhd**

Senarai **Auditor**:

- 1.Haji Abdul Rani Bin Harun (J54)
- 2.Puan Ai'nun Bashirah Binti Hamid (J48)
- 3.Puan Nur Azlina Binti Sapuan (J44)
- 4.En. Mohd Shahrom Darmawan Bin Mohd Yunus(J41)
- 5.En. Mohd Rusydan Syahir Bin Shahrudin (J41)



SUMBER: JKR JAJAHAN PASIR MAS

LAWATAN TAPAK PROJEK JAMBATAN BAHARU RANTAU PANJANG - GOLOK

RANTAU PANJANG, 24 Mac 2021 - Lawatan tapak projek dan ICQS Rantau Panjang bagi penyelarasan projek telah diadakan di Rantau Panjang.

Lawatan tersebut melibatkan:

- Bahagian Pengurusan Projek Timur, Ibu Pejabat JKR Malaysia
- ICQS Rantau Panjang, Kelantan.
- Bahagian Pengurusan Projek Timur, Ibu Pejabat JKR Malaysia.



SUMBER: JKR JAJAHAN PASIR PUTEH

TAKLIMAT BAGI KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH JALAN DI LALUAN D13 JALAN WAKAF BUNUT - KEDAI MENANTI, JAJAHAN PASIR PUTEH DENGAN KAEDAH "COLD IN-PLACE RECYCLING" (CIPR)

PASIR PUTEH, 25 Mac 2021 - Taklimat bagi kerja-kerja membaikpulih jalan di laluan D13 Jalan Wakaf Bunut - Kedai Menanti, Jajahan Pasir Puteh KM1.40 - KM2.30 dengan kaedah "**Cold In-Place Recycling**" (CIPR) telah diadakan di Bilik Mesyuarat JKR Pasir Puteh.

Kerja-kerja tersebut telah bermula pada 04 April 2021. Taklimat tersebut telah dianjurkan oleh Selenggara Timur Sdn. Bhd. (STSB).



SUMBER: UNIT MEKANIKAL

TAKLIMAT PENGENALAN SPB DAN SPK

PANJI, 28 Mac 2021 - Taklimat ini diadakan adalah untuk mendedahkan pentingnya pengurusan dan pemantauan melalui SPB dan SPK kepada satu-satu projek yang dikendalikan oleh JKR.

Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Ir. Nurmawaddah binti Mohd Idris, Jurutera Awam Kanan dari Pasukan Projek Khas 1.



SUMBER: UNIT TENTERA

PERTANDINGAN FUTSAL TERTUTUP JKR UNIT TENTERA KELANTAN 2021

29 Mac 2021 -Pertandingan Futsal Tertutup Anjuran Unit Tentera Kelantan 2021 Yang Diadakan Di Hidayah Futsal Kok Lanas Yang Terdiri Dari Pasukan Pangkalan Udara Gong Kedak, Kem Pengkalan Chepa Dan Kem Desa Pahlawan. Juara Pada Tahun Ini Adalah Kem Desa Pahlawan Yang Mengalahkan Pangkalan Udara Gong Kedak Pada Perlawanan Akhir Dengan Jaringan 1-0. Unit Tentera Kelantan.



SUMBER: UNIT TENTERA



SUMBER: UNIT TENTERA